

Kerajaan pastikan asas ekonomi negara terus kukuh

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 6 Mac – Kerajaan akan sentiasa memastikan ekonomi negara sentiasa kukuh supaya ia mampu berdepan dengan sebarang perkembangan dan kejutan di peringkat global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, bagi tujuan itu kerajaan akan mengambil langkah bagi memastikan asas-asas ekonomi negara utuh.

"Kedudukan ekonomi negara pada masa ini sangat kukuh dan mempunyai ketahanan yang kuat," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat daripada Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz mengenai kedudukan ekonomi negara, di bank pusat itu, di sini hari ini.

Taklimat itu merupakan yang pertama

tahun ini. BNM dijadual memberi taklimat dua kali setahun kepada Lembaga Pengarahnya, sekali setiap enam bulan.

Menurut Abdullah, kemantapan ekonomi negara itu disumbangkan oleh kedudukan rizab yang kukuh, nilai ringgit yang kuat dan inflasi yang semakin kurang, selain kadar pengangguran yang terkawal.

Selain itu, sektor pembinaan turut menunjukkan pertumbuhan yang positif buat pertama kalinya, setelah berada dalam keadaan negatif selama dua tahun setengah, katanya.

Perdana Menteri berkata, semua faktor yang memberangsangkan itu membolehkan

Kedudukan ekonomi negara pada masa ini sangat kukuh dan mempunyai ketahanan yang kuat

UM-7/3/2007
ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

kerajaan membuat andaian bahawa ekonomi negara mempunyai ketahanan yang kuat.

Menjelas lebih lanjut, katanya, faktor luar negara dan global merupakan perkara yang sering menjadi kebimbangan utama kerana ia boleh memberi kesan kepada ekonomi negara.

Menurutnya, sebarang perkembangan yang berlaku di Amerika Syarikat (AS) misalnya, pasti akan memberi kesan kepada negara ini.

"Ini kerana negara kita begitu terbuka dan terdedah kepada sebarang situasi yang berlaku di negara tersebut kerana AS merupakan rakan dagangan yang besar bagi kita,"

katanya.

Pada masa yang sama Abdullah berkata, kerajaan juga tidak mengabaikan perkembangan yang berlaku di negara-negara lain.

"Situasi di negara-negara lain turut diam-bil kira seperti keadaan di India dan China, kerana kedua-dua negara itu mempunyai ketahanan ekonomi yang kuat serta daya saing yang kukuh yang boleh mempengaruhi ekonomi di negara sekitar," katanya.

Kerajaan juga, katanya, menyedari bahawa faktor geopolitik merupakan perkara yang berada di luar kawalan kerajaan dan ia bukan sahaja boleh memberi kesan kepada negara lain tetapi juga kepada negara ini.

Perdana Menteri turut mengesahkan bahawa harga minyak akan terus menjadi faktor penting dalam menentukan kedudukan ekonomi negara-negara di dunia termasuk Malaysia.